

UPM bina tangki simpanan jika air terganggu



Anak saya menetap di Kolej 17, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan sering mengadu masalah ketiadaan bekalan air. Pada 19 Oktober hingga 21 Oktober lalu, ketiadaan bekalan air berlaku lagi dan pelajar terpaksa menggunakan air pili bomba yang berkarat dan kotor untuk membersihkan diri.

Apakah usaha pihak berkenaan mengatasi masalah ini.

Ibu prihatin

Johor Bahru, Johor



Unit Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UPM sudah mengenal pasti dan sedang memantau masalah gangguan bekalan air yang berlaku di Kolej 17, UPM. Menerusi pemantauan bersama Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), difahamkan masalah itu berpunca daripada injap tangki tidak berfungsi, tetapi masalah itu sudah diselesaikan.

Laporan diterima daripada SYABAS mendapati kadar air dalam tangki mencatatkan peningkatan.

Bagaimanapun, kita akan terus memantau kadar air dalam tangki simpanan selama dua minggu bermula 23 Oktober. Jika tiada sebarang perubahan atau peningkatan kadar air dalam tangki berkenaan, sebuah tangki simpanan sementara akan dibina untuk kemudahan pelajar.

Jadi, ibu bapa dan pelajar dinasihatkan bersabar dan tidak khawatir kerana masalah itu akan diselesaikan.

Prof Datuk

Dr Mohd Fauzi Ramli

Timbalan Naib Canselor HEPA UPM